

PRU-13: Najib yakin BN mampu menang dua pertiga
Utusan Online
27 April, 2013

KUCHING 27 April - Dengan hari pengundian tinggal seminggu sahaja lagi, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengulangi keyakinan bahawa Barisan Nasional (BN) mampu meraih kemenangan dengan majoriti dua pertiga.

Bagaimanapun, Pengerusi BN itu menegaskan jentera parti tidak boleh bersikap ambil mudah kerana pembangkang juga telah mengatur pelbagai strategi untuk menafikan kejayaan itu.

"Kita perlu anggap ini sebagai satu ancaman yang besar dan terus bekerja keras dengan mengeneipkan masalah dalaman.

"Kalau kita ketepikan masalah dalaman, kita akan capai kemenangan majoriti dua pertiga," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130427/px_77/PRU-13-Najib-yakin-BN-mampu-menang-dua-pertiga#ixzz2ZopLxj84